



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP



BERITA

24 JAM

KPDN

KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

Untuk makluman:

- | | |
|-----------------------|---------------------|
| ● YB Menteri | ● YBhg. TKSU (PPDN) |
| ● YB Timbalan Menteri | ● YBhg. TKSU (PPP) |
| ● YBhg. KSU | ● Setiausaha Akhbar |

Tarikh: 8 Julai 2025



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR

KPDN



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

PGA Briged Sarawak rampas pelbagai barang bernilai hampir RM1.2 juta



DISEKAT: Briged Sarawak, PGA merampas produk makanan sejuk beku dalam Ops Taring Batas/Awas di Bau pada 2 Julai 2025. Turut dirampas lori yang digunakan membawa produk makanan sejuk beku itu. — Gambar Briged Sarawak, PGA



PENGUATKUASAAN: Rampasan diesel di daerah Serian dalam Ops Taring Bravo pada 30 Jun 2025. — Gambar Briged Sarawak, PGA

KUCHING: Pasukan Gerakan Am (PGA) Briged Sarawak melancarkan insa keajaian dalam Ops Taring Bravo dan Ops Taring Awas/Batas yang dilancarkan pada 30 Jun hingga 5 Julai lalu dengan nilai rampasan keseluruhan hampir RM1.2 juta (RM1,166,169.60). Komander Briged Sarawak PGA SAC, Dr Che Ghazali Che Awang berkata pada 2 Julai 2025, pasukan polis daripada Infantri Batalion 11 PGA Kuching telah melancarkan dua Ops Taring Awas/Batas di daerah Bau.

Beliau berkata dalam operasi itu dua buah lori diserbu dan diperiksa berasingan kerana disyaki membawa muatan makanan sejuk beku.

"Semasa operasi dilancarkan sekitar jam 10.30 pagi polis daripada Infantri Batalion 11 PGA telah berjaya menahan seorang lelaki tempatan berusia 52

tahun dan hasil pemeriksaan lanjut menemui 6,500 kilogram produk makanan sejuk beku. Turut dirampas lori digunakan suspek.

"Anggaran nilai keseluruhan rampasan ialah RM522,000. Suspek dan rampasan telah diserahkan kepada Jabatan Veterinar Daerah Bau untuk tindakan serta siasatan lanjut.

"Kes ini disiasat di bawah Seksyen 17(1) Ordinan Kesihatan Awam Veterinar 1999," katanya menerusi kenyataan akhbar semalam.

Mengenai kejayaan ketiga, Che Ghazali berkata polis daripada Cawangan Risik Batalion 23 PGA Sri Aman melancarkan Ops Taring Bravo pada 30 Jun 2025 sekitar 8 pagi dengan menyerbu serta memeriksa sebuah kenderaan jenis pikap di daerah Serian kerana disyaki membawa kepada penemuan 9,000kg produk makanan sejuk beku.

"Seorang lelaki tempatan berumur 25

tahun ditahan dan turut dirampas lori yang digunakan suspek.

"Anggaran nilai keseluruhan rampasan ialah RM522,000. Suspek dan rampasan telah diserahkan kepada Jabatan Veterinar Daerah Bau untuk tindakan serta siasatan lanjut.

"Kes ini disiasat di bawah Seksyen 17(1) Ordinan Kesihatan Awam Veterinar 1999," katanya menerusi kenyataan akhbar semalam.

Mengenai kejayaan ketiga, Che Ghazali berkata polis daripada Cawangan Risik Batalion 23 PGA Sri Aman melancarkan Ops Taring Bravo pada 30 Jun 2025 sekitar 8 pagi dengan menyerbu serta memeriksa sebuah kenderaan jenis pikap di daerah Serian kerana disyaki membawa minyak diesel tanpa permit sah.

— Utusan Borneo

PGA Briged Sarawak rampas pelbagai barang bernilai hampir RM1.2 juta

► Dari Muka 1

Dalam serbuan itu, katanya seorang lelaki warga tempatan berusia 35 tahun ditahan dan hasil pemeriksaan lanjut menemui 600 liter minyak diesel bersama tiga tong dram di bahagian belakang kenderaan berkenaan.

"Turut dirampas kenderaan pikap (digunakan suspek). Anggaran nilai keseluruhan rampasan RM136,728. Tangkapan dan rampasan telah diserahkan kepada Kementerian Perlindungan Dalam Negeri (KPDN) Cawangan Serian untuk tindakan lanjut. Kesalahan ini disiasat di bawah Seksyen 21 Akta Kawalan Bekalan 1961," jelasnya.

Dalam kenyataan akhbar sama Che Ghazali berkata sepasukan polis dari infantri Batalion 23 PGA Sri Aman telah menggagalkan aktiviti penyeludupan rokok belum tulus cukai dalam Ops Taring Awas/Batas yang dilancarkan di sekitar daerah Tebedu pada 5 Julai 2025.

Dalam rondaan sekitar jam 5.30 petang itu polis telah menjumpai satu longgokan

kotak dibaluti plastik hitam yang mengandungi dan hasil pemeriksaan lanjut 145 kotak kerton rokok putih ditemui, katanya.

"Anggaran nilai keseluruhan rampasan berjumlah RM78,300. Rampasan diserahkan kepada Ibu Pejabat Polis Daerah Serem untuk tindakan lanjut. Kes disiasat di bawah Seksyen 135(1)(D) Akta Kastam 1967," tambahnya.

Pada hari sama katanya sepasukan polis dari infantri Batalion 23 PGA Sri Aman menahan seorang lelaki tempatan berumur 39 tahun bersama 576kg gula bersubsidi yang dibawa menggunakan sebuah van.

"Dalam serbuan dilakukan di Tebedu, pemeriksaan ke atas sebuah van menemui 576kg gula. Turut dirampas van digunakan suspek. Anggaran nilai keseluruhan rampasan kali ini RM62,141.60. Tangkapan dan rampasan juga telah diserahkan kepada KPDN Bahagian Serian untuk tindakan lanjut. Kes disiasat di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961," ujarnya.

TARIK KERETA

Tiada kerjasama pemilik kenderaan

Kuala Lumpur: Tiada kerjasama daripada pemilik kereta menyebabkan salah faham sehingga menampakkan ejen perolehan semula (EPS) atau penarik kereta dilihat seperti berlagak samseng.

Presiden Pertubuhan Kebajikan Ejen Perolehan Semula Malaysia, Asrul Effendi berkata, pihaknya kerap berdepan kecaman daripada warganet apabila berlaku sesuatu isu terutama yang tular di media sosial.

“Sebenarnya jika pemilik kereta memberikan kerjasama dengan baik, tidak akan berlaku perbalahan.

“Apa yang dikatakan sebagai isu samseng ini adalah apabila ada di antara pemilik kereta memanggil ‘gendang’ dia dan pihak EPS memanggil rakan mereka yang lain untuk *back up*,” katanya ketika dihubungi, semalam.

Asrul berkata, kebanyakan pemilik memahami tugas EPS dan menyerahkan aset secara baik, malah mengambil barangan berharga di dalam kenderaan tanpa sebarang masalah.

“Ini kerana kebanyakan EPS mengikut prosedur operasi standard (SOP) dan lebih berhati-hati ketika menjalankan tugas memandangkan kini adalah zaman viral.

“Malah kebanyakan pemilik kenderaan juga merakam video ketika proses

tarik kereta dilakukan menyebabkan EPS tidak berani untuk langgar SOP.

“Jika ada pemilik kenderaan tidak berpuas hati dengan proses itu, mereka boleh membuat laporan polis serta aduan kepada pihak Kementerian Perdagangan Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) untuk siasatan lanjut,” katanya.

Beliau berkata demikian bagi mengulas kejadian tiga kereta dirakam sengaja menghalang semua laluan di Lebuhraya Utara-Selatan dekat Hentian Sebelah Pedas Linggi, Rembau, baru-baru ini.

Tindakan itu yang disifatkan berbahaya turut tular di media sosial sejak beberapa hari lalu hingga menimbulkan kecaman warganet.

Ketua Polis Daerah Rembau Superintendan Hasani Hussain dilaporkan berkata, berdasarkan siasatan awal, suspek adalah ejen tarik kenderaan dan mereka menahan kenderaan kerana mahu menarik sebuah kereta.

Mengulas lanjut mengenai kejadian itu, Asrul berkata, individu yang dipercayai terbabit dalam kes berkenaan bukan ahli Pertubuhan Kebajikan Ejen Perolehan Semula Malaysia.

“Berdasarkan semakan awal kami, individu yang dipercayai terbabit dalam kes itu bukan ahli pertubuhan ini,” katanya.



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR

UMUM



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

2 keputusan penting minggu ini bakal corak ekonomi Malaysia

Penangguhan tarif Trump 90 hari berakhir, keputusan OPR esok jadi perhatian pasaran

Oleh Mahanum Abdul Aziz
mahanum_aziz@bh.com.my

Kuala Lumpur: Dua keputusan penting pada peringkat global dan domestik pada minggu ini dijangka mempengaruhi corak pasaran serta aktiviti ekonomi Malaysia menuju ke hadapan.

Dua keputusan yang menjadi perhatian pasaran itu adalah berakhirnya tempoh penangguhan 90 hari tarif timbal balas Amerika Syarikat (AS) dan keputusan mengenai Kadar Dasar Semalaman (OPR) esok.

Presiden AS, Donald Trump, dilaporkan berkata, pihaknya mula menghantar surat tarif pertama kepada pelbagai negara mulai semalam, beberapa hari sebelum tarikh akhir rakan dagangan mencapai perjanjian berakhir.

Dalam satu makluman lewat kelmarin, Trump berkata, beliau akan menghantar kumpulan pertama sehingga 15 surat, memberi amaran bahawa levi AS ke atas import akan kembali ke paras tinggi yang ditetapkan pada April lalu jika negara gagal mem-

buat perjanjian.

Setiausaha Perbendaharaan AS, Scott Bessent, berkata bahawa tarif baharu akan berkuat kuasa pada 1 Ogos ini, memberikan sedikit ruang tambahan untuk membuat perjanjian mengenai subjek yang mencetuskan ketidakpastian ke dalam pasaran global.

BIMB Securities Research dalam nota penyelidikan berkata, turun naik tidak menentu pasaran dijangka meningkat minggu ini apabila penangguhan 90 hari tarif AS yang lebih tinggi menghampiri penghujungnya.

Ia berkata, apabila penangguhan menghampiri tempoh tamat, ketidakpastian mungkin kembali meningkat mendadak, menambatkan tekanan, malah Trump menedahkan bahawa surat yang menggariskan terma tarif baharu untuk 12 negara sudah ditandatangani dan akan dihantar pada Isnin.

Setakat ini, firma pembrokeran pasaran itu melihat penurunan jangkaan yang meluas terhadap unjuran Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dikaitkan dengan ketidakpastian perdagangan.

Katanya, Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) baru-baru ini menurunkan unjuran pertumbuhan global bagi tahun ini kepada 2.8 peratus daripada 3.3 peratus, dengan kira-kira 70 peratus ekonomi mengalami semakan menurun.

"Trump juga memberi isyarat beliau tidak berhasrat melanjutkan penangguhan tarif itu, mem-

bayangkan bahawa negara tanpa perjanjian perdagangan yang dimuktamadkan dengan AS, mungkin akan menghadapi kenaikan tarif tambahan tidak lama lagi," katanya.

Ramal kadar OPR kekal

Sementara itu, BIMB Securities Research berkata, Bank Negara Malaysia (BNM) dijadual mengumumkan keputusan OPR, yang menjadi penanda aras kadar pinjaman tempatan esok.

Ia berkata, menurut Bloomberg, pasaran kini menjangkakan kebarangkalian 40 peratus penurunan kadar dalam tempoh tiga bulan akan datang.

Katanya, jangkaan semakin meningkat untuk bank pusat Malaysia menurunkan kadar faedah pada mesyuarat dasarnya itu esok, yang bertepatan dengan tarikh akhir bagi negara-negara untuk mendapatkan perjanjian perdagangan dengan AS bagi mengelak kenaikan tarif.

"Kami percaya BNM dijangka mengambil sikap berhati-hati, menekankan keperluan menyokong pertumbuhan ekonomi di tengah-tengah ketidakpastian luaran.

"BNM juga mungkin mengakui bahawa risi-

ko inflasi daripada pengembangan Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) dan rasionalisasi subsidi," katanya.

Mengulas lanjut, BIMB Securities Research berkata, sebarang pelarasan pada kadar boleh mempengaruhi ringgit dan pasaran saham tempatan.

Buat masa ini, pihaknya masih mengekalkan pandangan bahawa OPR akan kekal tidak berubah pada 3.0 peratus, memandangkan permintaan dalam negeri kekal sihat, disokong kadar pengangguran stabil dan pertumbuhan gaji yang terus memacu penggunaan swasta, ditambah dengan inflasi yang agak rendah.

Bagaimanapun, katanya, halangan luaran, termasuk permintaan global yang lemah dan ketidakpastian perdagangan, menimbulkan risiko penurunan kepada pertumbuhan.

"Ringgit dijangka didagangkan berhati-hati berikutan pasaran menunggu surat Trump. Ringgit menyusut sedikit sebanyak 0.1 peratus berbanding dolar AS (RM4.23) untuk minggu

berakhir 4 Julai, walaupun indeks dolar AS mengalami kelelahan berikutan sentimen penggunaan yang lemah di tengah-tengah pelaksanaan semakan semula SST.

"Sementara itu, pergerakan dolar AS dikuasai oleh keseimbangan yang memuncak mengenai tinjauan fiskal AS," katanya.

MIDF Research menerusi satu nota berasingan, pula menjelaskan dalam tempoh itu, persekitaran perdagangan global dijangka berdepan fasa kompleks, tetapi berpotensi stabil.

Menurutnya, walaupun tarif yang tinggi kekal sebagai cabaran, pihaknya percaya kejutan awal mula reda, membolehkan perniagaan dan pasaran menyesuaikan diri.

Ia tidak akan terkejut jika penangguhan 90 hari dilanjutkan untuk negara yang sedang mengadakan rundingan seperti Malaysia.

"Kesan jangka panjang tarif ini masih berlaku, tetapi tanda awal menunjukkan bahawa rantaian bekalan global diselaraskan semula dan beberapa rantaian sedang mencari laluan perdagangan dan perkongsian baharu untuk mengurangkan gangguan," katanya.





AMIR HUSSIEN

KERAJAAN di bawah kepimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim menunjukkan contoh terbaik tadbir urus responsif melalui keputusan strategik untuk mengekalkan dan mengukuhkan sistem Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST).

Pendekatan tadbir urus responsif ini bermaksud kerajaan mendengar suara rakyat, memahami keperluan sebenar masyarakat dan membuat keputusan berdasarkan realiti tempatan yang disokong bukti antarabangsa yang kukuh, terutamanya kejayaan sistem serupa di Amerika Syarikat (AS).

Tadbir urus responsif yang diamalkan kerajaan terbukti melalui pendekatan yang meletakkan kepentingan rakyat di hadapan sambil memastikan negara terus maju.

Keputusan untuk mengekalkan SST mencerminkan kefahaman mendalam terhadap realiti ekonomi Malaysia dan keperluan rakyat, berbeza dengan pendekatan kerajaan terdahulu yang lebih mengutamakan pandangan teknikal tanpa mengambil kira impak sosial.

Pada 14 Februari 2023, Anwar di Parlimen menyatakan "kerajaan tidak mempunyai rancangan untuk mengembalikan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) atau memperkenalkan sebarang cukai penggunaan berasaskan luas sebaliknya fokus pengurangan subsidi untuk isi rumah kaya.

Kenyataan ini menunjukkan bagaimana kerajaan responsif mendengar pengalaman rakyat dengan GST antara 2015 hingga 2018 dan mengambil iktibar daripada penolakan masyarakat terhadap sistem cukai yang dirasakan membebankan.

Prestasi ekonomi yang cemerlang membuktikan pendekatan tadbir urus responsif ini memberikan hasil yang positif.

Menurut data terkini Bank Negara Malaysia, ekonomi negara mencatatkan pertumbuhan yang kukuh dengan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDKN) meningkat 5.1 peratus pada 2024 dan 4.4 peratus pada suku pertama 2025. Pada masa sama, menurut data Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) dalam laporan Rundingan Artikel IV 202, kadar pengangguran kekal rendah pada 3.2 peratus pada suku

SST ambil kira realiti ekonomi negara, kepentingan rakyat



CUKAI Jualan dan Perkhidmatan (SST), bukan sekadar sistem cukai tetapi manifestasi tadbir urus responsif sebenar iaitu lambang kepimpinan yang mendengar, memahami dan bertindak untuk kepentingan rakyat berdasarkan bukti kukuh.

ketiga 2024, manakala inflasi kekal terkawal pada sekitar 2 peratus.

Pencapaian ini menunjukkan kerajaan yang responsif kepada keperluan rakyat mampu mencapai objektif ekonomi tanpa mengorbankan kesejahteraan masyarakat.

Keputusan Malaysia untuk mengekalkan SST sebenarnya mengikut jejak negara paling maju di dunia dan menunjukkan keberanian dalam tadbir urus responsif dengan membuat keputusan berdasarkan bukti dan kepentingan rakyat, bukan sekadar mengikut tekanan atau trend antarabangsa.

AS membuktikan sistem cukai tunggal peringkat boleh berjaya besar-besaran dengan 45 negeri menggunakan sistem serupa SST Malaysia.

Menurut Yayasan Cukai, sistem cukai jualan di AS mengumpul lebih AS\$375 bilion (RM 1.6 trilion) setahun dalam bentuk cukai jualan negeri pada 2021, mewakili 32 peratus daripada kutipan cukai

negeri dan 13 peratus daripada kutipan cukai tempatan.

Sistem ini terbukti lebih pro-pertumbuhan berbanding cukai pendapatan kerana menimbulkan sedikit herotan ekonomi.

Kerajaan menunjukkan kematangan dalam tadbir urus dengan menggunakan bukti kejayaan antarabangsa ini untuk menyokong keputusan yang mengutamakan kepentingan rakyat.

Menurut Bajet 2025 yang dibentangkan pada 18 Oktober 2024, perluasan ini merangkumi perkhidmatan baharu seperti perkhidmatan perniagaan ke perniagaan (B2B) dan barangan bukan keperluan. Walau bagaimanapun, sebagai tanda tadbir urus responsif yang sebenar, kerajaan akan mengadakan sesi libat urus dengan pihak berkepentingan sebelum memuktamadkan skop perluasan dan kadar cukai yang berkaitan.

Pendekatan ini menunjukkan bagaimana kerajaan yang responsif mengimbangkan keperluan

fiskal dengan keupayaan dan kesiapan pihak swasta.

Sistem SST dipilih juga menunjukkan kelebihan lebih jelas berbanding alternatif yang lebih kompleks dalam konteks tadbir urus responsif. Sistem ini mudah difahami rakyat dan perniagaan, memerlukan kos pentadbiran yang rendah yang membolehkan kepatuhan tinggi kerana senang diikuti.

Ia juga menawarkan fleksibiliti untuk disesuaikan mengikut keperluan tempatan dan memberikan kestabilan melalui sistem yang terbukti dan diterima masyarakat.

Kerajaan merangka strategi jangka panjang untuk menjadikan SST sistem cukai yang berkesan melalui peningkatan infrastruktur digital, program sokongan perniagaan dan pemantauan berterusan yang mencerminkan prinsip tadbir urus responsif.

Bajet 2025 menunjukkan komitmen kerajaan untuk mempertingkatkan hasil secara bertanggungjawab, dengan jumlah hasil kerajaan dijangka mencapai rekod RM340 bilion pada 2025, meningkat 5.5 peratus daripada 2024.

Peningkatan ini didorong kutipan cukai yang lebih tinggi termasuk reformasi SST, menunjukkan bagaimana tadbir urus responsif dapat mencapai objektif fiskal sambil mengekalkan keadilan sosial. Kerajaan juga mengekalkan komitmen untuk mengurangkan defisit fiskal daripada 4.3 peratus pada 2024 kepada 3.8 peratus (2025). Ini menunjukkan pengurusan fiskal yang bertanggungjawab.

TIKAP TUNDUK TEKANAN LUAR

Walaupun Pertubuhan Kerjasama Ekonomi dan Pembangunan (OECD) mencadangkan pada Ogos 2024 agar Malaysia mempertimbangkan untuk memperkenalkan semula GST secara beransur-ansur, namun kerajaan menunjukkan prinsip tadbir urus responsif tulen dengan mengekalkan pendirian yang mengutamakan kepentingan rakyat.

Anwar mengekalkan pendirian walaupun GST adalah sistem cukai yang

cepat dan telus, ia tidak sesuai memandangkan kumpulan berpendapatan rendah tidak berupaya menanggung beban tersebut. Keputusan ini menunjukkan bagaimana tadbir urus responsif bermaksud kerajaan tidak mudah tunduk kepada tekanan luar, sebaliknya berpegang teguh kepada prinsip melindungi kepentingan rakyat berdasarkan realiti tempatan yang sebenar.

Malaysia kini menjadi contoh terbaik tadbir urus responsif kepada negara lain membuktikan sistem cukai boleh berkesan tanpa membebankan rakyat.

Pendekatan tadbir urus responsif yang diamalkan iaitu mendengar suara rakyat, memahami keperluan sebenar dan membuat keputusan berasaskan bukti yang mengutamakan kepentingan masyarakat terbukti lebih berkesan daripada sekadar mengikut trend atau tekanan antarabangsa.

Kerajaan yang responsif juga menunjukkan keberanian untuk berpegang kepada prinsip keadilan sosial walaupun menghadapi cabaran atau cadangan dari pihak luar. Dengan bukti kejayaan AS dan prestasi ekonomi Malaysia yang cemerlang, jelas tadbir urus responsif yang diamalkan membawa kepada keputusan tepat serta bermanfaat untuk semua pihak.

SST bukan sekadar sistem cukai tetapi manifestasi tadbir urus responsif sebenar iaitu lambang kepimpinan yang mendengar, memahami dan bertindak untuk kepentingan rakyat berdasarkan bukti kukuh.

Keputusan ini memberikan gambaran jelas tentang tadbir urus responsif yang memberikan kemenangan kepada semua pihak. Dalam masa sama, rakyat tidak dibebani cukai berlebihan, perniagaan dapat beroperasi dengan sistem yang mudah dan tidak rumit, kerajaan memperoleh hasil mencukupi untuk pembangunan sementara negara menikmati ekonomi stabil serta berkembang.

Malaysia menunjukkan kepada dunia yang tadbir urus responsif bukan sekadar konsep teori tetapi pendekatan praktikal yang mengutamakan rakyat sambil memastikan negara terus maju dan makmur. Inilah contoh sebenar kerajaan yang benar-benar melayani kepentingan rakyat melalui tadbir urus responsif yang tulen dan berkesan.

DATUK Seri Amir Hussien ialah bekas Pengerusi Perbadanan Labuan dan Pengerusi Dunia Melayu Dunia Islam (DMIDI), yang kini merupakan penganalisis ekonomi.



SABARUDIN (kanan) melayan pelanggan yang datang ke kedai untuk membeli nasi campur di Kampung Tok Jiring, Kuala Nerus semalam.

Jual nasi murah RM5

- Peniaga mahu orang miskin dapat makan
- Terima sehingga 300 pelanggan sehari

Oleh NURSYASYA NADHIRAH ZABIDI

KUALA NERUS - Seorang pengusaha kedai makan di Kampung Tok Jiring di sini mengambil inisiatif memperkenalkan semula menu murah ala Rahmah sejak tiga minggu lalu bagi membantu meringankan kos sara hidup pelanggannya.

Sabarudin Ramli, 42, yang mengusahakan Warung Juedin berkata, sepinggan hidangan yang mengandungi nasi putih, sejenis lauk serta sayur ditawarkan dengan harga serendah RM5.

"Saya dan isteri, Ajuma' Arasikim Din, 41, juga menawarkan air sirap dan teh o ais pada harga hanya 50 sen segelas.

"Setiap hari kami dengan dibantu empat pekerja menye-

dia kira-kira 30 jenis lauk-pauk seperti ayam goreng berempah, ikan tiga rasa, daging goreng dan kerabu pegaga," katanya ketika ditemui Kosmo! di Kampung Tok Jiring di sini semalam.

Sabarudin berkata, dia tergerak untuk menawarkan semula menu murah ala Rahmah sejak tiga minggu lalu setelah mendengar banyak keluhan pelanggan-pelanggannya terutama mereka berkeluarga besar tentang kenaikan kos sara hidup.

Katanya, situasi ekonomi pelanggannya difahami kerana sebelum membuka kedai makan pada kira-kira enam tahun lalu, dia dan isteri bermula dengan berdagang nasi bajet RM2.50 sebungkus sejak 2014.

"Walaupun saya turut menghadapi kenaikan kos bahan mentah, keuntungan tetap ada biarpun dalam margin yang lebih kecil.

"Sambutan diterima setakat ini agak menggalakkan dengan lebih 300 pelanggan berkunjung ke kedai makan saya setiap hari beroperasi iaitu Ahad hingga Khamis," katanya.

Sabarudin berkata, kebiasaannya kesemua lauk-pauk di kedai makannya akan kehabisan sebelum pukul 1.30 tengah hari.

Sementara itu, seorang pelanggan, Muhammad Asyraf Haniff Zaki, 35, berkata, inisiatif diambil Sabarudin harus menjadi teladan peniaga lain.

"Saya dan isteri makan nasi bersama dua ketul ayam percik, daging goreng, ikan patin masak tempoyak dan ulam-ulaman. Selain itu, bungkus dua ketul ayam gulai dan udang untuk anak-anak di rumah.

"Kami dikenakan caj RM30 sahaja. Kalau di kedai makan lain, biasanya lebih RM50," katanya.

Inisiatif menu rahmah pernah diperkenalkan kerajaan sebelum ini iaitu makanan dijual pada harga tidak melebihi RM5 di restoran atau gerai pengusaha yang menyertainya.

Ia merupakan hidangan sajian terdiri daripada gizi seimbang seperti karbohidrat, protein dan serat. Objektif inisiatif itu ialah untuk mengurangkan beban kos sara hidup melibatkan makanan yang siap dimasak.

Delicious food sold at cheap prices

KUALA NERUS: Although the prices of essentials have gone up, a husband-and-wife team running a food stall continues to serve a variety of dishes at affordable *rahmah* prices.

Driven by a desire to ease the burden of the less fortunate, Sabarudin Ramli, 42, and his wife Ajuma' Arasikim Din, 41, are determined to sell *nasi campur* (mixed rice) with various dishes at just RM5 per serving at their eatery Nasi Berlauk Juedin.

Sabarudin said although their profit margin is small, he is content knowing that he is able to help his customers, Bernama reported.

"I started this business in 2014 with a budget rice menu priced at

» Couple reduces charge after customers shared their struggles with rising cost of living

RM2.50 from a small stall in Kuala Nerus before we moved to our current location in Kampung Tok Jiring six years ago.

"The *rahmah* concept was introduced three weeks ago. Previously, our prices were like any regular eatery. But after many customers shared about their struggles with the rising cost of living, we decided to make a change."

Every day, the couple rises at 4am to prepare more than 30 dishes,

assisted by four employees.

Among popular items on the are *ikan patin masak tempoyak*, *ayam berempah*, *udang masak lemak cili api*, *ikan tiga rasa* and *kerabu pegaga*.

For the past three weeks, the eatery has been frequented by customers from Kuala Terengganu, Kuala Nerus and Marang.

"Ever since news of my eatery was widely shared on TikTok, we have been getting a non-stop stream of

customers. They arrive as early as 10am to dine in and many also pack various dishes to take home.

"Alhamdulillah, all our customers are satisfied. Despite the low prices, we never compromise on quality. Many are surprised that seafood dishes such as prawns in gravy are priced at just RM4 a plate," said the father of three.

Sabarudin said their business operates from 10am to 5pm from Sunday to Thursday.

"These days, our food runs out fast. By around 1.30pm, most dishes are gone, so we have to close early."

"In the past three weeks, we have served about 300 customers a day and had to prepare larger batches of

food to avoid disappointing customers," he said, adding that iced tea and syrup drinks are sold at 50 sen per glass.

Customer Muhammad Asyraf Haniff Zaki, 35, from Manir said he was surprised to find a place still selling mixed rice at RM5, and expressed hope that other traders would emulate such an initiative.

"Today, I came with my wife. We had two pieces of *ayam percik*, fried beef, *patin tempoyak* and *ulam-ulaman*. We also packed two pieces of chicken in gravy and prawns for our kids."

"I paid only RM30. Usually, for this amount of food, it would cost no less than RM50. Definitely worth it."



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

BERITA ONLINE

KPDN

BERITA ONLINE BERTARIKH 8 JULAI 2025

TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
8-Jul	Wajibkan resit papar caj SST	https://www.utusan.com.my/nasional/2025/07/wajibkan-resit-papar-caj-sst/	UTUSAN
8-Jul	Ejen tarik kereta bukan samseng, pemilik perlu beri kerjasama	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/07/1238059/ejen-tarik-kereta-bukan-samseng-pemilik-perlu-beri-	HARIAN METRO
8-Jul	Pengimportan Dummy Seatbelt Buckle Diharamkan Mulai 31 Disember Ini, Sebab Boleh Ragut Nyawa Anda!	https://www.carz.com.my/ms/2025/07/pengimportan-dummy-seatbelt-buckle-diharamkan-mulai-31-disember-ini-sebab-boleh-ragut-nyawa-anda	CARZ
8-Jul	Unimap kaji kesan peluasan SST terhadap mahasiswa	https://themalaysiapress.com/unimap-kaji-kesan-peluasan-sst-terhadap-	THE MALAYSIA PRESS